

Tender TV4: PM nafi da kwaan DAP

B.H. - 7 AUG 1992

KUANTAN, Khamis — yang juga Setiausaha Perdana Menteri, Datuk Agung DAP, Lim Kit ~~Seri Mahathir Mohamad~~ — Siang yang mencadangkan sebuah jawatankuasa parlimen yang dianggotai Ahli Parlimen daripada semua parti ditubuhkan untuk menilai permohonan tender TV4.

Beliau berkata, DAP sengaja membuat demikian dengan niat untuk menidakkan Melewar daripada mendapat tender itu.

"Parti pembangkang itu ingin mewujudkan satu keadaan jika tender itu diberikan kepada Melewar berdasarkan merit, mereka akan memberitahu orang ramai bahawa wembarian itu sudah dijangka dan kerajaan bersikap pilih kasih." katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Pembangkang

Lim mendakwa sudah menjadi pengetahuan umum Melewar akan mendapat tender TV4 dan langkah kerajaan membuka tender itu bulan depan semata-mata untuk mengaburi mata rakyat.

Menurut Dr Mahathir, dengan membuat spekulasi itu, DAP berharap kerajaan tidak memberikan tender itu kepada Melewar.

Sambil menyatakan kerajaan tidak ada sebab untuk menubuhkan jawatankuasa itu, beliau berkata, perkara memproses tender dikendalikan oleh badan eksekutif dan bu-

kannya badan perundangan.

"DAP memitita kerajaan menubuhkan jawatankuasa parlimen hanya kerana ia tewas dalam pilihanraya umum lalu dan tidak memwunjai kuasa eksekutif.

"Perkara menilai permohonan tender dikendalikan oleh badan eksekutif.

"Menubuhkan satu jawatankuasa parlimen tidak perlu kerana fungsi parlimen adalah untuk mewujudkan undang-undang," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika Ahli Parlimen DAP diberi kuasa eksekutif, wentadbiran kerajaan akan menjadi huru-hara.

Katanya, DAP mendakwa Melewar sudah diberi tender itu kerana syarikat terbabit sering membuat kenyataan akhbar berhubung minatnya untuk mendapatkan tender itu.